



**POST NEWS RELEASE
FOR IMMEDIATE RELEASE**

Siaran Akhbar

SIAPA RAJA LAWAK ASTRO?

Cabaran empat belas (14) peserta bermula!

Kuala Lumpur, 12 Januari 2007:

Raja Lawak Astro , sebuah program realiti pencarian bakat lawak di kalangan rakyat Malaysia, telah memulakan siaran pengenalan pada 23 Disember lalu melalui episod **Alkisah Raja Lawak Astro** yang memaparkan klip-klip sesi ujibakat, format program, identiti Otai Lawak dan sesi latihan. Pada majlis pelancaran hari ini, Astro telah menyenaraikan 14 orang peserta yang bakal bersaing merebut gelaran **Raja Lawak Astro**.

Menurut Pengurus Saluran Astro RIA, En. Khairul Mizan, sesi ujibakat telah dijalankan dari 9 hingga 23 Disember 2006 di tiga lokasi iaitu Johor Bahru, Pulau Pinang & Selangor. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan melalui sesi ujibakat tersebut 37 orang peserta telah disenarai-pendekkan. Mereka kemudiannya menjalani Latihan Pusat selama seminggu dan saringan akhir menemukan 14 orang peserta untuk ke pusingan seterusnya.

Beliau berkata sudah tiba masanya Malaysia mempunyai pelapis dalam bidang komedi. "Raja Lawak Astro menyediakan peluang terbaik kepada bakat lawak generasi baru untuk diasah bakat yang ada dan dibimbing serta dilatih untuk lebih berkeyakinan dalam persediaan membuat persembahan."

Peserta-peserta yang layak bertanding adalah **Angah** (Iskandarshah b Hashim, Johor Bahru, Johor), **Cicik** (Suhaidil Azri b Samsudin, Klang,

Selangor), **Helmi** (Harun b Tahir, Nilai, Negeri Sembilan), **Idan** (Shahril Fitri b Samsudin, Klang, Selangor), **Johan** (Mohamad Yazid Lim, Ampang, Selangor), **Mail** (Razali b Yusuff, Kota Bharu Kelantan) dan **Mat** (Mohd Rahmat Saidin, Kangar, Perlis).

Turut terpilih adalah **Mie** (Haszmi b Abd Aziz, Petaling Jaya, Selangor), **Pokde** (Azmi b Mamat, Pasir Panjang, Terengganu), **Tauke** (Zamatul Amri Zakaria, Johor Bahru), **Tokmoh** (Hanizar b Abdul Hamid, Pulau Pinang). **Yus** (Yussry b. Edo, Alor Setar, Kedah) **Zali** (Razali b Ridzuan, Pulau Pinang), dan **Zizan** (Mohd. Razizan Abd Razak, Kuala Terengganu, Terengganu). (*Sila rujuk Lampiran 1*)

Para peserta akan menerima bimbingan dan latihan di Akademi Raja Lawak Astro, Shah Alam daripada tenaga pengajar profesional yang lebih dikenali dengan gelaran Otai Lawak. Diketuai oleh A.R Badul yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang lawak, Otai Lawak juga terdiri dari pelawak negara terkenal seperti Dato' Jamali Shadat, Sabri Yunus dan Jalil Hamid. (*Sila rujuk Lampiran 2*).

Tambah Khairul Mizan lagi, "Gandingan empat Otai Lawak dari pelbagai generasi dan genre akan memperkukuhkan lagi usaha Astro untuk mengangkat mutu lawak Malaysia ke satu peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana setiap seorang dari Otai Lawak memiliki pengalaman luas dalam meniru pelbagai suara, berlawak secara berseorangan, penguasaan pentas dan teater serta pengarahan filem komedi."

Bermula 14 Januari ini, kelas akan diadakan tiga (3) hari seminggu, mulai 9 pagi hingga 5 petang selama lapan (8) minggu. Setiap aktiviti dan perlakuan peserta di Akademi akan dirakam oleh kamera yang dapat dilihat jelas oleh mereka. Peserta akan diberi 'tugasan' setiap minggu berdasarkan tema untuk dipersembahkan di **Gelanggang Raja Lawak Astro**, sebuah program mingguan yang bakal disiarkan secara langsung dari studio rakaman Astro, Wisma Ali Bawal, Petaling Jaya.

Para penonton dapat mengikuti gelagat dan rutin seharian para peserta sewaktu menjalani latihan di Akademi melalui **Alkisah Raja Lawak Astro**

dan Ceritera Raja Lawak Astro di saluran Astro RIA (Astro Saluran 4) dan Astro @15 (Astro Saluran 15). *(Sila rujuk Lampiran 3)*

Sepanjang tempoh latihan di akademi, para peserta akan berusaha untuk menjadi yang terbaik bagi merebut hadiah-hadiah yang cukup lumayan. Juara Raja Lawak Astro bakal meraih hadiah berupa wang tunai RM 20,000, sebuah kereta TD 2000 bernilai RM 145,311, barangan elektrik tajaan AOWA bernilai RM6,485 dan sebuah trofi. Paling menarik, Juara akan mendapat tawaran mengacarakan program beliau sendiri di Astro. Hadiah Naib Juara, tempat ketiga, keempat dan kelima, masing-masing adalah berupa barangan elektrik tajaan AOWA dan pakej percutian

Format undian penonton di rumah melalui SMS dan talian tetap masih lagi menjadi 2 medium utama dalam menentukan nasib para peserta. Di samping itu, Astro turut mengekalkan perkhimatan interaktif butang 'R' yang terdapat di alat kawalan jauh Astro *(Sila rujuk Lampiran 4)*.

Selain Astro, SINAR fm sebagai Radio Rasmi akan mempromosikan kesemua peserta Raja Lawak Astro. Selain temubual mingguan eksklusif bersama barisan Otai Lawak dan peserta-peserta yang tersingkir serta laporan terkini, SINAR juga mengadakan liputan lintas langsung dari lokasi Sidang Media serta lokasi Gelanggang Raja Lawak Astro setiap minggu. Ejen Sinar Ford Escape bersama peserta-peserta Raja Lawak Astro akan turut serta turun padang setiap Rabu untuk mempromosikan program tersebut.

Sebagai penaja utama dan pembekal kandungan eksklusif untuk program Raja Lawak Astro, Celcom (Malaysia) Berhad akan menawarkan pelbagai muat turun untuk pengguna-penggunanya. En Zalman Aefendy Zainal Abidin, Naib Presiden Kanan Pemasaran Celcom berkata, "Antara muat turun yang ditawarkan termasuk nada dering yang membolehkan pengguna memuat turun lagu tema program 'Raja Lawak'. Para pengguna juga boleh memuat turun nada dering True Tone, monotone dan politone, video mudah alih 3G dan gambar-gambar eksklusif. Kami akan mengumumkan pelbagai lagi muat turun pada masa akan datang.

"Celcom percaya dengan adanya program berbentuk komedi ini, ia akan dapat memberi sesuatu yang baru, yang lain daripada yang lain, untuk para penonton berhibur di depan kaca TV," kata Zalman.

- TAMAT-

Dikeluarkan oleh Unit Media & Publisiti, Astro. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Norizan Abu Samah di 03 95436688 samb. 3324